

26/07/2004

MMU tubuh unit khas tarik penuntut asing

MELAKA: Universiti Multimedia (MMU) menubuhkan unit khas iaitu Unit Pengambilan Pelajar Antarabangsa (CISR) untuk menarik lebih ramai pelajar asing mengikuti pelbagai pengajian di universiti itu menjelang 2010.

Canselornya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata setakat ini MMU mengembang sayapnya ke lapan negara asing termasuk Ghana, Afrika Selatan, Cina, Singapura, Indonesia, Oman, Iran dan India.

Selain itu, katanya, kursus Sarjana Perniagaan turut dijalankan di China Information University (CIU), Beijing.

"Walaupun MMU baru berusia lapan tahun, langkah awal dibuat untuk menjadikan universiti pusat pendidikan terunggul di rantau ini.

"Untuk itu, rancangan untuk melebarkan sayap universiti ini ke negara lain giat dilaksanakan melalui penubuhan CISR," katanya ketika berucap pada majlis konvokesyen ke-5 MMU di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Seramai 2,585 graduan menerima diploma dan ijazah masing pada dua sesi konvokesyen itu.

Pada majlis itu juga, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengetahuan Sains sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam bidang sains dan teknologi terutama mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya.

Dr Hasmah berkata, kerajaan melaksanakan projek MSC lapan tahun lalu sebagai wadah bagi mencetus dan mengembangkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini.

Sejak itu, katanya, pembangunan ICT merubah ekonomi negara kepada k-ekonomi sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini terutama lepasan universiti.

"Sebagai contoh, MMU diwujudkan di tengah-tengah Cyberjaya yang dapat memberi pendidikan kepada generasi muda menjadi profesional yang mampu bersaing dan berjuang dalam dunia k-ekonomi.

"Saya gembira melihat Cyberjaya yang terletak di tengah-tengah MSC terus menunjukkan kemajuan walaupun ada juga faktor luaran yang tidak membantu kepada kemajuan MSC," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata, antara faktor luaran itu ialah ancaman peperangan di Iraq dan wabak Sindrom Akur Yang Teruk (SARS) yang mengekang usaha kerajaan membangunkan ekonomi negara ini.

Sehubungan itu, katanya, setiap graduan perlu memperlihatkan daya kepemimpinan dan semangat juang dalam segala urusan hidup terutama ketika menghadapi alam pekerjaan.

(END)